

Laporan dakwa bumiputera kuasai 45% ekonomi negara ditarik balik

ASLI minta maaf

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Institut Strategi dari Kepimpinan Asia (ASLI) hari ini memohon maaf ke atas laporannya yang dianggap salah dan tidak tepat kerana mendakwa bumiputera telah menguasai 45 peratus ekonomi negara.

Sehubungan itu, ASLI bertindak menarik balik laporan hasil satu kajian itu.

Presidennya, Mirzan Mahathir berkata, kajian bertajuk Ekuiti Korporat Bumiputera yang dihasilkan oleh Pusat Pengajian Polisi Awamnya itu, menggunakan andaian yang salah yang akhirnya menghasilkan kesimpulan yang tidak tepat.

"Laporan itu salah dan sememangnya, saya merasa adalah tidak betul bagi kajian itu melibatkan syarikat milik kerajaan (GLC).

"Ia juga tidak melambangkan kualiti kajian yang diharapkan daripada ASLI.

"Oleh itu, saya menerima tanggungjawab berhubung kesilapan laporan itu dan dengan penuh kekesalan, memohon maaf ke atasnya," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas lanjut kenyataan awal ASLI yang dikeluarkan di sini hari ini bagi menjelaskan kekeliruan yang timbul hasil laporan itu.

Hasil laporan itu juga telah mengundang kritikan pelbagai pihak, termasuk daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Laporan itu yang merupakan sebahagian daripada cadangan pusat tersebut kepada kerajaan Malaysia bagi Rancangan Malaysia Kesembilan mendakwa pemilikan ekuiti bumiputera di dalam syarikat-syarikat senarai awam adalah dalam lingkungan 45 peratus daripada jumlah ekuiti yang didagangkan di Bursa Malaysia.

Sementara itu, menurut kenyataan itu, Mirzan berkata, ASLI kesal dengan kesilapan itu kerana ia menjejaskan nama baik ASLI yang telah beroperasi selama 13 tahun untuk membantu itu masyarakat melalui pemikiran strategik dan kualiti-kualiti kepimpinan.

Sambungan dari muka 1

ASLI minta maaf

Katanya, kekeliruan itu telah membelakangkan cadangan-cadangan positif ASLI lain yang dikemukakan, termasuk dalam isu pemansuhan kemiskinan tegar.

"Kontroversi ini mengalihkan perhatian ASLI daripada pencapaian misinya," ujar beliau.

Sehubungan itu, beliau bercadang menubuhkan lembaga editorial bagi meneliti semua kajian yang dilakukan oleh ASLI kelak.

Ini, katanya, adalah bagi memastikan kualiti kajian ASLI dipelihara dengan kaedahnya dijalankan secara saintifik.

"Kita tidak mahu lagi kerja-kerja baik kita dihakis kerana kurang perhatian ke atas hasil kerja kita," tegasnya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif ASLI, Datuk Dr. Michael Yeoh berkata, Mirzan telah menyerahkan satu kenyataan bertulis kepada Abdullah, Jumaat lalu menjelaskan mengenai kajian itu.

"Kami telah menyerahkan satu kenyataan bertulis kepada Perdana Menteri bagi memberikan penjelasan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Sidang Kemuncak Utiliti Kebangsaan 2006 anjuran ASLI di Hotel Renaissance di sini, hari ini.

Yeoh bagaimanapun menjelaskan beliau tidak tahu-menahu mengenai isi kandungan kenyataan itu.